




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **109 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **51,979 kes**. Satu (1) kes kematian direkodkan pada hari ini iaitu di daerah Kota Kinabalu. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.

- 2 Pada hari ini, seramai 112 pesakit COVID-19 telah discaj / sembah dari hospital menjadikan jumlah kumulatif sembah 50,436 orang. Pada hari ini juga sejumlah 831 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 317 orang di hospital, 512 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan dua (2) orang lagi di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 51 orang dan 14 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada pertambahan zon merah direkodkan hari ini.

- 4 Pada hari ini, satu (1) **kluster** baharu dilaporkan.

Kluster Jalan Pasar di Kota Belud mencatatkan dua (2) kes positif COVID-19 pada hari ini, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 13 kes. Kes indeks merupakan penguatkuasa yang dikesan positif hasil saringan bergejala di salah sebuah pusat perubatan Kota Belud pada 11 Februari 2021. Susulan kes itu, lima (5) kes positif COVID-19 disahkan melalui saringan bergejala dan tujuh (7) kes lagi daripada saringan kontak rapat.

- 5 Daripada 109 kes positif COVID-19 yang dicatatkan, sebanyak 40 kes (36.7%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, saringan bergejala 15 kes (13.8%), saringan kluster baharu dan sedia ada 49 kes (44.9%) dan lima (5) kes (4.6%) adalah dari lain-lain kategori.

- 6 Jumlah kapasiti katil di hospital COVID-19 kekal 925 unit, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam berjumlah 3,935 unit dan jumlah katil di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara pula 1,000 unit. Ini menjadikan jumlah kapasiti katil ialah 5,860 unit. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 14.18%.

B BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Sehingga 20 Februari 2021, sejumlah **120,835** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan dibawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

C LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS*

- 1 Dalam tempoh 24 jam, sebanyak 47 SJR telah dilaksana melibatkan pemeriksaan 35,009 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 29 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, tiada tangkapan dibuat namun 19 kompaun dikeluarkan atas kesalahan melanggar SOP COVID-19. PDRM juga telah melaksanakan 73 hebahan melalui kereta peronda.
- 2 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) yang melibatkan sebanyak 203 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 71 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Pada hari ini, tiada tangkapan dibuat.
- 3 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan rondaan pemantauan pematuhan SOP peringkat komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) telah dilaksanakan di 481 lokasi melibatkan seramai 158 anggota APM dan 165 anggota RELA.

- 4 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di tujuh (7) premis, melibatkan empat (4) buah daerah iaitu daerah Kota Kinabalu, Keningau, Kuala Penyu dan Semporna.
- 5 Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 139 lokasi melibatkan 15 daerah. Hebahan dibuat dalam Bahasa Melayu, Bahasa Mandarin, Bahasa Inggeris dan pelbagai bahasa etnik Sabah.
- 6 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 354 hebahan di seluruh Sabah.

D KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKP pada hari ini ialah **92.95%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Tenom	94%
2	Semporna	94%
3	Kunak	94%
4	Kudat	94%
5	Kota Belud	94%
6	Sipitang	94%
7	Ranau	94%
8	Tuaran	93%
9	Penampang	93%
10	Beluran	93%
11	Sandakan	93%
12	Keningau	93%
13	Tawau	92%
14	Papar	92%
15	Beaufort	92%
16	Lahad Datu	92%
17	Kota Kinabalu	92%
18	Kinabatangan	92%
19	Kota Marudu	92%

- 2 Pihak PDRM akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang ingkar pada SOP yang sedang berkuat kuasa dengan mengenakan **kompaun RM1000.00** di bawah **Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988)**.

#kitajagakita #normabaharu

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
20 Februari 2021**